

0146

R B346 DEB  
MAHATHIR R R R  
DARIPADA ZAINOOR SULAIMAN  
(I)

NEW YORK, 18 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BAHAWA BELIAU INGIN MELIHAT LEBIH BANYAK DIALOG DIADAKAN SECARA BERTERUSAN ANTARA USAHAWAN MALAYSIA DAN AMERIKA BAGI MERAPATKAN LAGI KERJASAMA PERDAGANGAN DAN EKONOMI ANTARA KEDUA-DUA NEGARA.

AHLI PERNIAGAAN AMERIKA SUDAH SEMAKIN BERMINAT UNTUK MENAMBAH AKTIVITI EKONOMI MEREKA DI MALAYSIA, KATANYA KEPADA BERNAMA SELEPAS MENGADAKAN PERTEMUAN SAMBIL MAKAN MALAM DENGAN USAHAWAN AMERIKA DI SINI MALAM TADI.

PERDANA MENTERI MENYIFATKAN PERTEMUAN ITU SEBAGAI +BAIK+ DAN +BERHASIL.+

+KITA TELAH DAPAT MENGHURAIKAN BEBERAPA PERKARA KEPADA MEREKA,+ KATA BELIAU SAMBIL MENAMBAH BAHAWA BELIAU INGIN MELIHAT PIHAK AMERIKA MENGORAK LANGKAH KE HADAPAN UNTUK MENINGKATKAN AKTIVITI EKONOMI MEREKA DI MALAYSIA.

BELIAU BERHARAP SUATU BENTUK BADAN TIDAK RASMI DAPAT DIWUJUDKAN TIDAK LAMA LAGI UNTUK MENGGALAKKAN DIALOG YANG LEBIH KERAP DAN MELUAS ANTARA USAHAWAN MALAYSIA DAN AMERIKA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA PADA PERTEMUAN ITU BEBERAPA AHLI PERNIAGAAN TERKEMUKA AMERIKA MELAHIRKAN RASA OPTIMIS TENTANG PENINGKATAN EKONOMI MALAYSIA MANAKALA PEMIMPIN SYARIKAT TERNAMA SEPERTI EXXON BERKATA BAHAWA MEREKA AKAN TERUS MELABUR DI MALAYSIA. INI KERANA BAGI MEREKA, MALAYSIA MERUPAKAN TEMPAT YANG BAIK UNTUK PELABURAN MEMANDANGKAN KESTABILAN POLITKNYA DAN KEMUDAHAN INFRA STRUKTUR YANG BAIK. -- LAGI.

1647MST 18 05 89

D134

U B347 DEB  
MAHATHIR 2 NEW YORK R R R

ANTARA YANG HADIR PADA MAJLIS MAKAN MALAM ITU YANG DIADAKAN OLEH PRESIDEN KUMPULAN ANTARABANGSA AMERIKA (AIG) ENCIK M.R. GREENBERG IALAH PENERUSI MOTOROLA ROBERT CALVIN, PRESIDEN SCOTT WORLDWIDE COMPANY J. RICHARD LEAMAN JR., PRESIDEN MORGAN STANLEY & COMPANY RICHARD B. FISHER, PRESIEN EXXON INTERNATIONAL S.J. RESO, PRESIDEN ROTHSCHILE ROBERT PIRIE, PENERUSI CAROON & BLACK, ROBERT CARROON, PENERUSI CONTINENTAL GRAIN MICHAEL FRIBOURG, PENERUSI BLACKSTONE GROUP PETER PETERSON DAN PENGARAH URUSAN MCKINSEY AND COMPANY ROBERT KLINE.

BERSAMA-SAMA DATUK SERI DR. MAHATHIR IALAH PRESIDEN DAN KETUA EKSEKUTIF PETRONAS TAN SRI AZIZAN ZAINAL ABIDIN, PENERUSI ARAB MALAYSIA MERCHANT BANK BERHAD TAN SRI AZMAN HASHIM, PENERUSI MIDA TAN SRI ZAINAL ABIDIN SULONG, PENERUSI MISC RAJA TAN SRI MOHAMAD ALIAS, KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN SIME DARBY BERHAD TUNKU DATUK SERI AHMAD YAHAYA DAN PENGARAH URUSAN SELANGOR PEWTER SDN. BHD ENCIK WONG POH KON.

SAMBIL MENYATAKAN BAHAWA PERTEMUAN ITU BUKANLAH SATU SEMINAR PELABURAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU SUDAH PERNAH MENEMUI AHLI-AHLI PERNIAGAAN AMERIKA SEMASA LAWATAN-LAWATANNYA YANG LALU KE AMERIKA SYARIKAT.

PERTEMUAN SEPERTI ITU AKAN MEMBOLEHKAN BELIAU MEMBERI PENERANGAN KEPADA MEREKA TENTANG PERKEMBANGAN TERBARU DALAM PERDAGANGAN DUA HALA, PELABURAN DAN MASALAH YANG BERKAITAN DI MALAYSIA. -- LAGI.

1623MST 18 05 89

D139

U B355 AAB  
MAHATHIR 3 NEW YORK RRR

KATANYA, KALI INI BELIAU MEMBAWA BERSAMANYA ORANG-ORANG PENTING DALAM BIDANG PERNIAGAAN DI MALAYSIA DENGAN TUJUAN UNTUK MEMULAKAN DIALOG YANG LEBIH KERAP DAN BERTERUSAN ANTARA PEMIMPIN-PEMIMPIN PERNIAGAAN KEDUA-DUA NEGARA.

APABILA DITANYA MENGENAI KEMUNGKINAN MENUBUHKAN MAJLIS PERNIAGAAN MALAYSIA-AMERIKA UNTUK MENGENDALIKAN TUGAS BERKENAAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERBINCANGAN MENGENAI CADANGAN ITU MASIH +PADA PERINGKAT AWAL).

+KITA MASIH MENCARI CARA KITA... KITA SEBENARNYA BELUM MENENTUKAN BENTUK DAN CORAK BADAN ITU,+ KATANYA SAMBIL MENEKANKAN BAHAWA JENTERA APA PUN YANG AKAN DITUBUHKAN BAGI MENGENDALIKAN DIALOG ITU AKAN MERUPAKAN +CARA TIDAK RASMI.+

SEMASA MENJAWAB SATU SOALAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SESETENGAH AHLI PERNIAGAAN AMERIKA MENDAPATI SESETENGAH SYARAT YANG DIKENAKAN DI BAWAH DASAR EKONOMI BARU TIDAK MENGGALAKKAN PELABURAN.

PERDANA MENTERI MENJELASKAN BAHAWA NEGARA DAN RAKYAT JUGA AKAN MENDAPAT FAEDAH DARIPADA PELABURAN ASING. -- LAGI.  
1632MST 18 05 89

D150

U B366 DEB  
MAHATHIR 4 NEW YORK

+KITA PERLU INGAT BAHAWA DASAR PELABURAN KITA BUKANLAH SEMATA-MATA UNTUK KEPENTINGAN PARA PELABUR TETAPI JUGA UNTUK KEPENTINGAN KITA... DAN SYARAT-SYARAT SEPERTI ITU DIADAKAN UNTUK MELINDUNGI KEPENTINGAN KITA,+ KATA BELIAU.

KATANYA, SELAIN MENYEDIAKAN TEMPAT BAGI PELABUR-PELABUR ASING +MENGAUT KEUNTUNGAN+, KERAJAAN HARUS JUGA MENENTUKAN RAKYAT AKAN MENIKMATI FAEDAH DARIPADA PROJEK-PROJEK ITU.

BELIAU BERKATA SEDANGKAN ORANG-ORANG LAIN, TERUTAMA JEPUN DAN TAIWAN, BERPUAS HATI DENGAN SYARAT-SYARAT DAN INSENTIF-INSENTIF PELABURAN YANG DISEDIAKAN OLEH MALAYSIA, PELABUR-PELABUR AMERIKA MEMINTA SUPAYA DIADAKAN LEBIH BANYAK INSENTIF.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA WALAUPUN TERDAPAT BEBERAPA MASALAH ANTARA KEDUA-DUA NEGARA, MALAYSIA MEMPUYAI HUBUNGAN EKONOMI DUA HALA YANG BAIK DENGAN AMERIKA SYARIKAT.

BELIAU MENYEBUT SESETENGAH DARIPADA MASALAH ITU SEPERTI KEMPEN TERHADAP MINYAK SAWIT YANG SEDANG BERJALAN, USAHA YANG TERPAKSA DIAMBIL OLEH MALAYSIA UNTUK MENGEKALKAN SISTEM KEISTIMEWAAN AM (GSP) YANG DINIKMATINYA, PENJUALAN SIMPANAN OLEH PENTADBIRAN PERKHIDMATAN AM (GSA) AMERIKA PADA MASA LEPAS YANG MENJEJASKAN HARGA KOMODITI UTAMA YANG DIEKSPORT SEPERTI TIMAH DAN GETAH. -- LAGI.  
1656MST 18 05 89

D156

U B374 AAB  
MAHATHIR 5 NEW YORK

MENGENAI PELABURAN AMERIKA DI NEGARA INI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SUNGGUHPUN PELABURAN AMERIKA DI NEGARA INI BESAR, SEBAHAGIAN BESAR DARIPADANYA DITUMPUKAN KEPADA SEKTOR PETROLEUM DAN ELEKTRONIK.

BELIAU MENGGESA PELABUR-PELABUR AMERIKA SUPAYA MEMPERHEBATKAN DAN MEMPELBAGAIKAN KEGIATAN EKONOMI MEREKA DI MALAYSIA.

KAJIAN YANG DIJALANKAN DI KALANGAN SYARIKAT-SYARIKAT AMERIKA DI MALAYSIA BARU-BARU INI MENUNJUKKAN BAHAWA DARIPADA PELABURAN AMERIKA YANG BERNILAI AS\$4,700 JUTA MENJELANG AKHIR 1987, AS\$3,000 JUTA ATAU 63.3 PERATUS DILABURKAN DALAM SEKTOR PETROLEUM, 15.3 PERATUS DALAM SEKTOR ELEKTRONIK, 15.1 PERATUS DALAM PERUSAHAAN BANK DAN INSURANS DAN 1.8 PERATUS DALAM PENJUALAN.

KAJIAN YANG DIJALANKAN OLEH KEDUTAAN AMERIKA SYARIKAT DI KUALA LUMPUR ITU MELAPORKAN PELABURAN TAMBAHAN SEBANYA AS\$436 JUTA DIBUAT DALAM 1988 DAN AS\$358 JUTA DALAM 1989.

SYARIKAT-SYARIKAT YANG MEMPUNYAI KEPENTINGAN EKUITI AMERIKA DI MALAYSIA SEHINGGA TAHUN LEPAS MEMBERI PEKERJAAN KEPADA 48,939 ORANG IAITU 48,575 ORANG RAKYAT MALAYSIA, 214 WARGANEGARA AMERIKA SYARIKAT DAN 150 ORANG RAKYAT NEGARA-NEGARA LAIN, MENURUT LEPORAN ITU. --  
BERNAMA

1711MST 18 05 89